

# Peranan Muzium di Malaysia dalam Melestarikan Sejarah dan Warisan Haji

**BITARA**

Volume 7, Issue 1, 2024: 156-166  
© The Author(s) 2024  
e-ISSN: 2600-9080  
<http://www.bitarajournal.com>  
Received: 2 January 2024  
Accepted: 12 January 2024  
Published: 12 February 2024

## [The Role of Museums in Malaysia in Preserving Hajj History and Heritage]

Aiza Maslan @ Baharudin<sup>1</sup>

1 Bahagian Falsafah dan Tamadun, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia, 11800 Pulau Pinang. E-mail: aizamaslan@usm.my

\*Corresponding Author: aizamaslan@usm.my

### Abstrak

Muzium bukan sesuatu yang asing bagi masyarakat di Malaysia. Perkembangan muzium amat memberangsangkan dengan jumlah penubuhan muzium yang semakin bertambah. Penubuhan muzium sememangnya merupakan antara usaha ke arah pengekalan khazanah warisan sejarah dan budaya bangsa. Koleksi pameran yang tersimpan dan terpelihara menjadi bukti sesuatu peristiwa atau sejarah silam yang telah serta pernah mewarnai sejarah dan kebudayaan negara dan masyarakat. Kajian ini bertujuan mengkaji peranan yang dimainkan oleh pihak muzium di Malaysia dalam melestarikan sejarah dan warisan haji memandangkan ibadat haji cukup dekat di hati masyarakat Islam di Malaysia, khususnya bagi masyarakat Melayu. Perubahan dan peredaran masa telah menjadikan perkembangan sejarah dan warisan haji mempunyai keunikannya yang tersendiri dan sejarah tersebut perlu diketengahkan kepada masyarakat untuk ditelusuri. Generasi hari ini perlu didedahkan dengan sejarah pengerjaan haji masyarakat silam agar pengalaman tersebut memberikan ilmu, pengalaman serta iktibar kepada mereka. Kajian bersifat kualitatif ini akan menggunakan kaedah kajian analisis dokumen terhadap bahan-bahan literatur dan pemerhatian personal. Dapatan kajian mendapati bahawa pameran yang dianjurkan oleh muzium-muzium di Malaysia membolehkan Masyarakat menelusuri dan menghayati sejarah dan warisan haji di Malaysia sejak era kapal laut, sekaligus berpeluang melihat artifak-artifak nadir berkaitan haji yang sukar untuk ditemui pada hari ini.

**Kata kunci:** muzium, kajian muzium, sejarah haji, warisan haji, pameran, masyarakat Melayu.

### Abstract

Malaysians are no strangers to museums. Museums here have seen an encouraging growth as evident through the increasing number of museums in the country. Establishing museums represents an effort towards preserving historical and cultural heritage. Collections archived and preserved are proof of past events and history that shape the history and culture of a nation and the society. This study aims to examine the role played by museums in Malaysia in recovering the history and heritage related to hajj, seeing as hajj is one of the acts of worship Muslims in Malaysia, particularly the Malays, hold closest to their heart. Change and passage of time have made the history and heritage of hajj unique with characters of their own, and this should be highlighted for the people to appreciate. Today's generation should be exposed to the history of how hajj was performed in the past, as this history represents knowledge and experience, and there is a lot to be learned from it. This qualitative study will use the method of document analysis of literature materials and personal observations. The findings of the study indicate that museum exhibitions in Malaysia give visitors the chance to learn about and appreciate the history and legacy of the Hajj in Malaysia from the time of sea ships, while also having the opportunity to see rare artifacts related to Hajj that are hard to come by these days.

**Keywords:** museum, museum studies, history of the hajj, heritage of the hajj, exhibition, the Malays.

**Cite This Article:**

Aiza Maslan @ Baharudin. (2024). Peranan Muzium di Malaysia dalam Melestarikan Sejarah dan Warisan Haji [The Role of Museums in Malaysia in Preserving Hajj History and Heritage]. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 7(1): 156-166.

## Pengenalan

Pada tahun 1984, *International Council of Museums (ICOM)* dengan persetujuan bersama pakar-pakar kajian mengenai muzium telah menetapkan bahawa muzium merupakan sebuah institusi yang bukan berasaskan keuntungan yang memberikan perkhidmatan kepada masyarakat. Selari dengan kenyataan tersebut, *ICOM* telah menghuraikan peranan muzium sebagai sebuah institusi yang memperoleh, menyimpan, meneliti, berkomunikasi serta mempamerkan bagi tujuan pendidikan, pembelajaran dan keseronokan. Di Malaysia khususnya, selain bersetuju dengan *ICOM* dan pakar-pakar kajian mengenai muzium, fungsi dan peranan muzium tidak hanya terhad kepada pemeliharaan serta penyimpanan artifak harta dan khazanah negara, tetapi turut bertindak sebagai sumber pengetahuan bagi pandangan hidup yang bersifat menyeluruh terhadap tatacara kehidupan sesebuah komuniti (Shamsidar Ahmad et al., 2013).

Para penyelidik kajian mengenai muzium menganggap muzium sebagai sebuah institusi yang menceritakan semula kisah-kisah yang mempunyai mesej berkaitan sosial dan politik. Spalding dalam Watson (2007) menyifatkan muzium sebagai *'living institutions'* yang senantiasa akan terus berubah mengikut peredaran masa dan dari semasa ke semasa akan menilai semula tujuan mereka. Perkembangan semasa memperlihatkan bahawa kedudukan dan peranan sesebuah muzium tidak lagi dinilai hanya bergantung kepada koleksi, dana, kakitangan dan kemudahan yang dimiliki, sebaliknya turut meneliti manfaat yang dapat diberikannya kepada individu dan komuniti yang ditanganinya. Pandangan berkenaan turut disokong oleh Weil (2003) yang menegaskan bahawa sesebuah muzium yang gagal mempamerkan hasilnya kepada komuniti boleh dianggap sebagai tidak mempunyai tanggungjawab sosial. Lebih malang lagi, perkara sedemikian merupakan suatu bentuk pembaziran terhadap sumber masyarakat.

Tambahan pula, muzium mempunyai keupayaan serta kekuatan untuk membangunkan nilai kolektif serta pemahaman sosial dengan caranya yang tersendiri. Pembentukan idea sedemikian sebenarnya didukung oleh perspektif, nilai serta pemahaman sesebuah komuniti yang mereka wakili dan ianya tidak hanya bergantung semata-mata kepada pancaindera individu dan pengetahuan yang dimiliki oleh seseorang individu. Justeru itu, bukanlah sesuatu yang luar biasa apabila muzium diberikan amanah agar memberikan keutamaan kepada pemupukan nilai kebangsaan dan jati diri bangsa. Muzium turut bertanggungjawab untuk berusaha meluas serta melibatkan komuniti agar mendekatkan diri dengan muzium. Tidak dinafikan bahawa pemilihan tema dan bahan pameran di muzium serta interpretasinya mempunyai perkaitan amat rapat yang melibatkan hubungan institusi tersebut pihak pemerintah, khususnya bagi muzium-muzium utama yang bertindak sebagai pusat repositori khazanah dan warisan negara (Henderson, 2005). Justeru itu, sesetengah sarjana memberi penegasan bahawa muzium sebenarnya bertindak sebagai medium sosio-budaya yang dapat digunakan untuk mengawal kesedaran politik, membenarkan serta menegaskan kekuasaan

politik dan hak keistimewaan tertentu. Oleh yang demikian, bukanlah sesuatu yang janggal jika interpretasi sejarah sesebuah negara biasanya akan menggambarkan kecenderungan kepada pihak yang memerintah dengan menonjolkan sisi cerita yang telah dipersetujui bersama (Henderson, 2005).

Kenyataan tersebut turut diperkukuhkan oleh Abu Talib Ahmad (2018) yang menegaskan bahawa muzium di Malaysia berkait rapat dengan pembinaan negara bangsa yang sentiasa berusaha untuk memaparkan pengalaman yang dikongsi bersama pada masa lalu. Sebagai sebuah institusi yang ditubuhkan oleh pihak kerajaan, sudah pasti penubuhannya bermatlamat untuk memelihara serta memulihara legasi sejarah serta kebudayaan nasional sebagai sebuah wahana yang membolehkan generasi akan datang membina serta mempertingkatkan identiti kebangsaan. Abu Talib juga berpandangan bahawa kekerapan perubahan penukaran bahan pameran di muzium juga bertujuan untuk memastikan kelangsungan agenda pembinaan negara bangsa pada era yang mana minat serta kesedaran masyarakat terhadap muzium mulai lemah.

## Kajian Mengenai Muzium

Kajian mengenai muzium melibatkan pelbagai negara luar sebenarnya telah banyak dilakukan oleh sarjana-sarjana asing tetapi sangat diabaikan di Malaysia (Abu Talib Ahmad, 2012). Menurut (Henderson, 2005) mutakhir ini perkembangan literatur mengenai perkembangan serta peranan muzium menjadi sebuah topik perbincangan yang semakin kritikal. Walsh (1992) umpamanya mengistilahkan muzium sebagai '*facilitators*' yang memungkinkan sesebuah masyarakat mempelajari suatu bentuk nilai berkaitan tanah air mereka. Pada masa yang sama juga beliau mempertikaikan bahawa proses modenisasi sebenarnya secara beransur-ansur telah bertindak menjarakkan manusia daripada warisan mereka. Secara tidak langsung, beliau turut menyifatkan muzium turut bertanggungjawab dalam perkara tersebut kerana memberikan gambaran masa silam yang terlalu cetek serta dangkal, sekali gus memisahkan manusia daripada memahami ekonomi, politik serta budaya pada masa kini.

Selain itu, kaedah yang digunakan dan dipraktikkan oleh muzium juga merupakan aspek kajian yang mendapat perhatian para pengkaji. Hooper-Greenhill (2000) umpamanya, mengkaji tentang kaedah yang digunakan oleh muzium dalam mempamerkan objek budaya visual sesuai dengan peranan muzium sebagai sebuah institusi pendidikan. Beliau turut menegaskan bahawa adalah penting untuk melihat objek muzium melalui pelbagai sudut pandang dan pada masa yang sama menyedari serta memahami bahawa tafsirannya berubah mengikut peredaran masa. Justeru itu, menurut beliau lagi konsep melihat yang digunakan oleh para pengunjung muzium disifatkan sebagai sangat kompleks kerana ianya bukan sahaja melibatkan individu yang melihat, tetapi juga objek yang dilihat, dan perkara tersebut menghasilkan tafsiran yang pelbagai antara seorang pengunjung dengan pengunjung yang lain.

Pendekatan multi-disiplin terhadap perkembangan, peranan dan kepentingan muzium kepada masyarakat kontemporari juga merupakan satu lagi aspek kajian yang menarik. Perkara ini telah dilakukan oleh Macdonald (2006) dengan mengumpulkan esei-esei daripada pelbagai disiplin ilmu. Kerumitan yang dihadapi oleh muzium daripada perspektif budaya, tadbir urus politik, kuratorial sejarah telah dianalisis dalam kajian beliau. Tumpuan perbincangan turut

diberikan terhadap aspek ruang, pameran, bangunan dan pengumpulan barang-barang hinggalah kepada pelbagai cabaran dan permasalahan kontemporari yang dihadapi.

Bedford (2014) pula meneroka peranan muzium sebagai tempat penyimpanan objek dan spesimen yang datang dari masa silam. Justeru itu, adalah penting untuk menjelaskan makna sosial sesuatu objek, memahami kepentingan muzium sebagai sebuah institusi budaya dan proses-proses yang dilalui untuk sesebuah objek menjadi sebahagian daripada koleksi muzium yang berharga.

Sementara itu, Abu Talib Ahmad (2012) pula mengetengahkan kajian tentang bahan-bahan pameran melibatkan muzium yang terdapat di beberapa buah negeri di Malaysia. Menggunakan kaedah analisis tekstual bahan-bahan yang diterbitkan oleh muzium dan kaedah temu bual kakitangan muzium yang sedang berkhidmat dan yang telah bersara, kajian tersebut cuba menilai perubahan pendekatan yang dilakukan oleh pihak muzium terhadap bahan-bahan pameran serta cabaran yang mereka hadapi. Menariknya, beliau secara tegas menekankan bahawa sejak sekian lama, muzium telah bertindak sebagai alat bagi sesebuah negeri atau badan yang mengawalinya. Justeru itu, konteks sejarah yang diketengahkan oleh muzium lebih cenderung kepada agenda nasionalis yang mengutamakan orang Melayu. Oleh yang demikian, peranan muzium sebagai penjaga warisan dan sejarah sebenarnya tidak sunyi daripada berhadapan dengan konflik demi konflik yang berterusan.

Kajian yang lebih terkini dilakukan oleh Ahmad Farid Abd Jalal et.al (2020) menelusuri perkembangan muzium di Malaysia pascamerdeka dan peranan muzium terhadap penerapan kesedaran sejarah yang memfokus kepada keunggulan institusi beraja di Malaysia. Muzium yang disifatkan sebagai sebuah hub pendidikan harus bertindak pro aktif dalam memartabatkan kedaulatan institusi raja-raja Melayu, khususnya di Malaysia dengan menonjolkan keperluan mempertahankan institusi beraja di negara kita.

Sesuai dengan pandangan yang menganggap muzium sebagai sebuah hub pendidikan, Shamsidar Ahmad et.al (2013) turut menekankan kepentingan mewujudkan arah dalam mengembangkan pameran muzium di Malaysia bagi pembelajaran awam. Ramai sarjana mengiktiraf muzium sebagai pembuka jalan kepada ilmu pengetahuan yang lebih luas serta bertindak sebagai institusi ilmu kepada sesebuah komuniti.

Walau bagaimana, kajian yang menjurus kepada peranan muzium dalam melestarikan sejarah dan warisan haji di Malaysia masih belum dikaji, sekali gus mewujudkan kelompangan dalam aspek berkenaan.

## **Perkembangan Muzium di Malaysia**

Boleh dikatakan hampir setiap negara di seluruh dunia membangunkan muzium masing-masing dengan objektif penubuhan yang pelbagai berdasarkan kekuatan koleksi dan bahan sejarah yang setiap muzium miliki. Dellios (1999) menegaskan bahawa muzium telah wujud di Malaysia lebih awal daripada penubuhan Malaysia sendiri. Bermula dengan hanya tiga buah muzium yang didirikan oleh kolonial British sebelum merdeka, menjelang tahun 2013 Malaysia boleh berbangga dengan sejumlah 189 buah muzium. Muzium Perak di Taiping yang didirikan pada tahun 1883 merupakan muzium terawal di negara kita yang dibina berikutan cadangan Sir Hugh Low, Residen Perak pada ketika itu. Menurut Othman Yatim (2005), pembinaan muzium

merupakan salah satu usaha pihak British mengkaji serta mendalami adat resam, kebudayaan dan cara hidup masyarakat tempatan bagi memudahkan urusan pentadbiran tanah jajahan mereka. Lebih menarik lagi, muzium turut berperanan sebagai alat propaganda pihak British dalam usaha mereka mempamerkan imej mereka sebagai pelindung Masyarakat yang dijajah sama seperti pembinaan sekolah, jalan raya serta hospital di Tanah Melayu suatu ketika dahulu. Berdasarkan penelitian, muzium-muzium dikelaskan berdasarkan skop koleksi yang dimiliki seperti muzium seni, muzium sejarah, muzium sejarah alam semulajadi dan muzium sains. Selain itu, muzium juga boleh dikelaskan kepada muzium umum, muzium tematik, muzium diraja dan memorial. Bagi pengelasan yang lebih rasmi sifatnya pengelasan dibuat berdasarkan badan atau institusi yang mengawalselia sesebuah muzium, iaitu kerajaan persekutuan, kerajaan negeri, jabatan-jabatan serta entiti swasta (Abu Talib Ahmad, 2018).

Muzium sebenarnya berfungsi sebagai wahana pendidikan, pembelajaran dan penyebaran kepada sesebuah masyarakat. Perkara tersebut terbukti melalui perkhidmatan yang ditawarkan oleh pihak muzium seperti penyediaan brosur, buletin, dan tidak ketinggalan seorang jurupandu yang akan memberikan penerangan dan maklumat yang lebih mendalam kepada para pengunjung. Malangnya, budaya mengadakan lawatan ke muzium dalam komuniti masyarakat di Malaysia sebenarnya masih berada pada tahap yang kurang membanggakan jika dibandingkan dengan negara-negara Eropah. Tidak keterlaluan jika dikatakan bahawa muzium bukan menjadi pilihan utama percutian keluarga berbanding destinasi pelancongan dan pusat-pusat membeli belah. Kelaziman yang berlaku di Malaysia, muzium akan hanya menjadi pilihan pihak sekolah terutamanya di peringkat sekolah rendah untuk membawa para pelajar mereka bagi mengikuti lawatan sambil belajar. Perkara tersebut ternyata berbeza dengan perkembangan yang berlaku di negara-negara luar yang menyenaraikan muzium sebagai salah satu destinasi wajib untuk dilawati (Shamsidar Ahmad et. al, 2013).

## **Muzium dan Pameran Haji di Malaysia**

Menurut Henderson (2005), muzium pada suatu peringkat tertentu berupaya untuk mempersembahkan suatu bentuk tafsiran yang berwibawa tentang kepentingan sesuatu tempat melalui pengembaraan jalur masa yang sekali gus dapat mengurangkan perasaan keterasingan sebagai akibat daripada perbezaan masa tersebut. Maka tidak hairanlah, mutakhir ini ziarah atau lawatan ke tempat-tempat bersejarah merupakan antara sumber yang paling dipercayai bagi mendapatkan maklumat tentang perkara atau sejarah silam memandangkan kaedah tersebut mampu mencipta pengetahuan tentang masa silam melalui pengalaman personal serta interaksi yang berlaku dengan tempat fizikal, objek dan naratif sejarah (Bulger, 2011). Pandangan tersebut turut disokong oleh Smith (2006) yang menekankan bahawa tapak warisan sesuatu tempat amat penting dalam erti kata tempat berkenaan memberikan realiti fizikal terhadap sesuatu bentuk ekspresi dan pengalaman.

Malang sekali, ziarah secara fizikal bagi menelusuri sejarah pengerjaan haji umat Islam di Tanah Suci Makkah sudah pasti tidak memungkinkan semua orang untuk merealisikannya, Mengambil kira perkara tersebut, maka beberapa muzium telah mengambil langkah pro aktif dengan bertindak berdasarkan konsep pemasaran. Pihak muzium percaya bahawa mereka mempunyai produk tertentu yang boleh dijual kepada kumpulan sasaran tertentu dan

memandangkan ibadat haji cukup dekat di hati orang Melayu yang berpegang teguh kepada ajaran agama Islam, maka sudah pasti tema sejarah dan warisan haji dianggap sebagai pilihan terbaik untuk dijadikan suatu tarikan kepada komuniti masyarakat untuk datang ke muzium. Sejarah pengerjaan haji yang telah berlangsung sejak sekian lama bermula dengan agama Islam diwahyukan oleh Allah s.w.t. kepada Nabi Muhammad s.a.w. telah melalui satu jalur masa yang amat panjang dengan menjadikan Tanah Suci Makkah sebagai titik pertemuan umat Islam yang datang dari segenap pelosok dunia. Justeru itu, ibadat haji pernah diangkat sebagai tema khusus bagi pameran yang diadakan oleh Muzium Islam Pulau Pinang dan Muzium Kesenian Islam Malaysia.

## Pameran Haji di Muzium Islam Pulau Pinang

Walaupun dari segi kelazimannya, sesuatu acara khusus yang memfokus kepada kumpulan tertentu tidak akan dimasukkan sebagai pameran tetap di sesebuah muzium, sebaliknya diangkat sebagai sebuah pameran yang bersifat sementara, Muzium Islam Pulau Pinang telah mengambil pendekatan berbeza dengan menjadikan tema ibadat haji orang Melayu, khususnya yang memfokuskan kepada Pulau Pinang sebagai sebuah pameran bersifat tetap. Muzium yang pernah beroperasi di No. 128, Lebuh Armenian, George Town, Pulau Pinang sebelum ditutup pada tahun 2018 untuk tujuan baik pulih memfokuskan penyimpanan bahan-bahan pameran berkaitan Islam dan penyebarannya di Semenanjung Malaysia, terutamanya di Pulau Pinang.

Menurut kajian yang dilakukan oleh Abu Talib Ahmad (2018), muzium berkenaan yang pada asalnya merupakan sebuah rumah agam dua tingkat milik seorang pemimpin komuniti Aceh di Pulau Pinang yang terkenal pada sekitar abad ke-18 dan 19, iaitu Syed Hussein al-Attas telah dibahagikan kepada lapan buah galeri. Empat buah galeri ditempatkan di tingkat bawah, manakala empat buah galeri lagi berada di tingkat dua bangunan berkenaan. Susunan galeri di tingkat bawah meliputi tema tentang Islam dan kebudayaan, tokoh-tokoh agama di Pulau Pinang serta seni bina Islam. Galeri Pengenalan yang terletak di pintu masuk utama bangunan dua tingkat berkenaan menyediakan maklumat kepada pengunjung berkaitan sejarah dan objektif penubuhan muzium berkenaan, susun atur yang terdapat di dalam muzium serta proses baik pulih yang telah dilakukan terhadap rumah agam berkenaan.

Sementara itu, tema-tema yang berkaitan dengan perkembangan Islam di Pulau Pinang khususnya, serta perkembangan Islam di Tanah Melayu umumnya, termasuk sistem pendidikan pondok di Seberang Perai ditempatkan di galeri yang terletak di tingkat dua rumah agam berkenaan. Menariknya, muzium berkenaan juga turut mempamerkan maklumat berkaitan pengerjaan ibadah haji pada era pelayaran kapal laut. Perkara tersebut sudah tentu bertepatan dan cukup sinonim dengan kedudukan Pulau Pinang sebagai pusat berkumpulnya jemaah haji bagi lingkungan utara Semenanjung Malaysia, selatan Thailand dan Kelantan sehingga diberikan jolokan “Jeddah Kedua”. Di ruangan bawah pula, disediakan paparan video bertajuk “Menyahut Lambaian Kaabah” yang diterbitkan oleh Filem Negara Malaysia dengan kerjasama Lembaga Urusan dan Tabung Haji (kini Lembaga Tabung Haji) sebagai pengenalan menyeluruh kepada para pengunjung mengenai proses pemergian haji orang Melayu semasa era pelayaran kapal haji.

Filem yang diterbitkan pada tahun 1975 tersebut berupaya memberikan suatu gambaran yang jelas mengenai pengalaman unik yang dilalui oleh jemaah haji bermula daripada proses pendaftaran bakal-bakal haji yang dilakukan di Pejabat Daerah, pengangkutan barang-barang jemaah haji oleh syekh haji sehinggalah kepada proses pemergian haji menggunakan kapal haji. Filem berkenaan secara tidak langsung bertujuan untuk menggalakkan orang Islam yang ingin mengerjakan ibadat haji supaya mendaftar dengan Tabung Haji lebih awal agar dapat menjadi ahli istimewa Tabung Haji yang memungkinkan mereka mendapat keistimewaan seperti bebas memilih giliran pelayaran kapal haji, tidak perlu menjalani temuduga untuk mendapat kebenaran menunaikan ibadat haji, tidak perlu menguruskan pasport dan visa sendiri dan mendapat makluman berkenaan tarikh pelayaran kapal haji lima bulan lebih awal sebelum pelayaran. Untuk menjadi ahli istimewa Tabung Haji disyaratkan bahawa ahli yang mendaftar mesti mempunyai simpanan berjumlah RM1000,00 setahun sebelum musim haji. Melalui tayangan filem berkenaan juga, pengunjung dapat melihat suasana dan proses yang berlaku di Pelabuhan Port Swettenham ketika jemaah haji menaiki kapal haji. Selain memuatkan pelbagai nasihat kepada jemaah haji, tayangan filem berkenaan turut memaparkan suasana dan proses yang berlaku setelah jemaah haji tiba di Pelabuhan Jeddah, semasa menunaikan ibadat haji, dan proses pelayaran balik ke tanah air.

Naratif sejarah sebenarnya berjaya menghubungkan masa silam, masa kini dan masa depan sesebuah komuniti. Muzium bertanggungjawab membina naratif sejarah untuk memahami apa yang telah dilakukan pada masa lalu dan untuk mengenalpasti kaitan antara masa silam dan masa kini. Masa silam merupakan sumber ilmu pengetahuan dan pengalaman yang cukup kaya yang sebenarnya berkemampuan untuk dikitar semula. Namun begitu, masa silam juga boleh menjadi tanggungan yang membebankan kepada generasi terkemudian. Tergantung kepada persepsi seseorang individu atau komuniti tentang masa silam, individu atau komuniti berhak untuk memilih sama ada untuk menghidupkan semula serta mengukuhkan nilai-nilai dan tingkah laku masa silam, atau mereka lebih cenderung untuk langsung meninggalkan cara sesuatu dilakukan pada masa silam dan membangunkan tradisi dan amalan baharu berpandukan pengalaman silam.

Pada ruangan selanjutnya, pengunjung disajikan dengan pameran objek-objek yang berkaitan dengan sejarah pengerjaan haji orang Melayu seperti pakaian yang digunakan oleh bakal-bakal haji lelaki dan wanita, iaitu kain batik dan baju Kedah serta baju Melayu sebelum mereka menukar pakaian kepada bertelekung dan berpakaian ihram. Tidak ketinggalan juga objek yang sering dibawa oleh jemaah haji seperti kotak sahara, bekas meletakkan makanan yang dipanggil si'a, tali pinggang yang digunakan oleh kaum lelaki untuk meletakkan barangan berharga, terutamanya wang ringgit. Perkara tersebut selari dengan pandangan Bulger (2011), *'Objects, specifically, become part of visitors' heritage experiences when they are a means for personally engaging with the narrative, relating it to their own understanding of themselves and their relationships with others in the present'*. Beliau turut menegaskan bahawa selain tempat, objek material sebenarnya menjadi sebahagian daripada sejarah dan warisan yang bernilai kerana ianya menjadi sebahagian daripada kaedah yang berpotensi untuk mencungkil masa silam serta memahami hubungan dengannya pada masa kini.

## Pameran Haji di Muzium Kesenian Islam Malaysia

Sebuah lagi muzium yang pernah mengadakan pameran berkaitan ibadat haji ialah Muzium Kesenian Islam Malaysia (MKIM), Kuala Lumpur. Sebagai sebuah muzium yang didirikan secara persendirian, MKIM mempunyai objektif dan matlamat khusus, iaitu memfokuskan koleksi-koleksi serta bahan-bahan pameran mereka terhadap sejarah Islam yang meliputi seluruh dunia Islam. Melalui usaha berkenaan, MKIM secara tidak langsung berusaha untuk menyampai dan menyebarkan tinggalan-tinggalan sejarah dunia Islam dan bekerja kuat untuk menjadikannya relevan pada skala yang lebih luas.

Pameran sebenarnya secara aktif berusaha mengintegrasikan dunia material dengan cara menggalakkan pengalaman warisan personal dan merangkumkan warisan sebagai sebuah proses (Bulger, 2011). Smith (2006) pula menekankan bahawa warisan merupakan sebuah proses pembuatan makna yang mana kelompok-kelompok manusia mengenalpasti masa silam tertentu dan merasai kepentingan masa silam tersebut pada masa sekarang. Hubungan antara warisan dan identiti mungkin boleh digunakan untuk mencadangkan bahawa warisan adalah aktiviti dan peristiwa yang membentuk atau melambangkan perpaduan sosial atau keanggotaan kelompok-kelompok tertentu. Dalam kes ini, warisan boleh menjadi sebahagian daripada amalan identiti-kerja yang melibatkan identiti kumpulan yang dikongsi bersama dan kesinambungan rasa antara masa silam dan masa kini.

MKIM mungkin agak menonjol dalam hal ini kerana misi dan programnya secara implisit merangkumi dua konsep dominan, sebagaimana yang dicadangkan oleh Bulger (2011), iaitu warisan sebagai objek dalam erti kata material dan naratif sejarah yang stabil dan warisan sebagai sebuah proses yang mana pengalaman hubungan masa silam dan masa kini merupakan suatu bentuk warisan. Bertitik tolak daripada konsep tersebut, MKIM mengambil pendekatan untuk menganjurkan pameran bertemakan ibadat haji memikirkan bahawa subjek berkenaan secara khususnya terlalu sinonim dengan komuniti masyarakat di Malaysia yang menjadikan agama Islam sebagai agama rasmi negara, serta turut mendapat tempat di dunia Islam amnya. Menariknya, tema ibadat haji juga mendapat perhatian golongan masyarakat bukan Islam terutamanya masyarakat Eropah yang ingin mengenali rukun Islam kelima tersebut secara lebih mendalam.

Pada tahun 2009, pameran bertajuk *On Road to Mecca* yang merupakan pameran haji yang julung kali dianjurkan oleh MKIM dan penganjurannya bersifat *'in house exhibition'* yang mempamerkan koleksi serta objek yang sebahagiannya dimiliki oleh MKIM sendiri dan sebahagiannya dipinjam daripada pelbagai pihak:

*'The exhibition En Route to Mecca: Pilgrims' Voices Throughout the Centuries focuses on the sense of anticipation and adventure that the faithful have always encountered on their way to fulfilling this Pillar of Islam. In an age of comparatively painless jet travel, the hardships have been reduced. Also gone is the time when a pilgrimage might be numbered in years rather than days. The objective and rituals have remained the same for more than fourteen hundred years, but the means of achieving these has been altered beyond recognition' (En Route to Mecca, 2009).*



Dalam pameran tersebut penekanan bukan hanya terhad kepada aspek ritual tetapi lebih memfokuskan kepada catatan perjalanan haji itu sendiri yang tidak terhad kepada orang Melayu tetapi juga melibatkan masyarakat Muslim di dunia Islam. Pameran dibahagikan kepada jalur masa yang berbeza, iaitu dari zaman awal sehinggalah ke zaman moden. Selain itu, catatan pelayaran individu mengerjakan ibadat haji pada zaman yang berbeza, seperti catatan yang pemergian haji ke Makkah dibuat oleh Mansa Mousa dari Mali pada tahun 1324M, Yang Teramat Mulia Nawab Sikandar Begum dari India pada tahun 1864M, Muhammad Asad dari Sepanyol pada tahun 1927M, Lady Evelyn Cobbold dari Britain pada tahun 1933M dan Harun Aminurrashid dari Malaysia pada tahun 1960M turut diketengahkan. Selain itu, pameran berkenaan turut mempamerkan sejumlah artifak yang menarik berkaitan sejarah dan warisan haji seperti ilustrasi Masjidil Haram, kiswah kaabah, gambar karavan ke Makkah pada tahun 1791, sulaman kain yang memaparkan plan Makkah dengan Kaabah di Tengah, dan gambar *Dalail Al-Khairat wa Shawariq al-Anwar*.

*'A museum can offer more than beautiful objects to look at. It can also tell a story, and there are few better stories than those of the men and women through the ages who have made the journey to Mecca. The route and the surroundings may always have been inhospitable, but the destination made the hardship worthwhile (En Route to Mecca, 2009).*

MKIM sekali lagi memainkan peranannya sebagai sebuah muzium Islam yang cukup dekat dengan orang Melayu apabila menganjurkan buat kali kedua pameran bertemakan sejarah dan warisan haji dengan penganjuran pameran *Al-Hajj: The Malaysian Experience* dengan kerjasama Lembaga Tabung Haji bersempena dengan ulang tahun ke-50 tahun Lembaga Tabung Haji. Pameran yang memakan masa selama tiga bulan tersebut antara lain adalah untuk mengetengahkan pencapaian yang telah berjaya digarap oleh Lembaga Tabung Haji. Matlamat pameran berkenaan bersifat serampang dua mata, iaitu memberikan pemahaman dan penghayatan yang mendalam tentang kepentingan dan signifikan haji dalam Islam. Dalam pameran tersebut, penekanan serta fokus diberikan kepada sejarah pemergian haji orang Melayu pada zaman awal, perkembangan sistem syeikh haji di Malaysia, pelayaran kapal haji sehinggalah kepada penubuhan Lembaga Tabung Haji. Lebih menarik lagi, pelbagai artifak seperti peti sahara, beg besi dan bakul rotan yang biasanya dibawa oleh jemaah haji semasa era pelayaran kapal haji turut dipamerkan bagi memberi ruang kepada para pengunjung menyelami suasana musim haji pada zaman awal (*Al-Hajj*, 2013).

Antara ketiga-tiga pameran yang telah dijalankan, pameran *Al-Hajj: The Malaysian Experience* adalah pameran yang disifatkan paling kemas dan berjaya. Bahan-bahan seperti gambar-gambar nadir yang berwarna hitam putih dipinjamkan oleh pihak Lembaga Tabung Haji. Memandangkan kebanyakan bahan-bahan tersebut gagal dipelihara dengan baik, maka pihak MKIM telah mengambil pendekatan untuk mengambil semula gambar-gambar berkenaan, termasuklah gambar-gambar kapal haji, suasana di pelabuhan ketika sanak-saudara menghantar jemaah haji serta gambar jemaah haji ketika kembali ke tanah air setelah menyempurnakan ibadat haji. Gambar-gambar berkenaan amat bernilai kerana secara tidak langsung melaluinya masyarakat hari ini dapat menggambarkan suasana pada ketika itu, termasuk cara berpakaian jemaah haji apabila kembali ke tanah air. Pas haji dan pasport haji

juga dipamerkan dalam, pas syeikh haji, kad catuan makanan atas kapal, dan resit yang dikeluarkan oleh syeikh haji (*Al-Hajj*, 2013).

Pameran berkenaan juga turut mempamerkan manuskrip berbentuk surat-menyurat yang diutuskan oleh jemaah haji kepada saudara mereka di tanah air. Selain itu, *Manuskrip Syair Makkah dan Madinah* yang ditulis oleh Syeikh Sunur yang menggelarkan dirinya sebagai fakir di dalam syair berkenaan turut dipamerkan. Malang sekali, manuskrip hanya lebih memiliki 33 halaman berkenaan tidak lengkap dan hanya memuatkan bahagian tengah manuskrip berkenaan. Bahagian kolofonnya juga sudah hilang. Ditulis dalam bentuk nazam yang ditulis oleh seseorang yang menggelarkan dirinya sebagai fakir.

MKIM buat julung kalinya kerjasama dengan *The Barakat Trust* telah menganjurkan pameran berkaitan ibadat haji buat kali ketiga bertajuk *Haji Journey Through the Ages* yang berlangsung dari 13 Disember 2019 sehingga Mac 2020. Dalam penganjuran pameran pada kali ini MKIM bertindak sebagai tuan rumah, manakala koleksi objek pameran kesemuanya disumbangkan oleh *The Barakat Trust*. Pameran yang berlangsung selama empat bulan mengetengahkan satu siri lukisan oleh artis bernama Reem Nazir yang meneroka sejarah pengerjaan haji ke Tanah Suci Makkah serta ziarah ke Madinah.

## Kesimpulan

Perkembangan muzium mempunyai sejarah yang cukup panjang. Secara tradisinya, muzium memfokuskan kepada pengumpulan, pemuliharaan dan persembahan objek fizikal yang berkaitan dengan pelbagai aspek sejarah dan warisan budaya sesebuah masyarakat. Muzium turut berperanan dalam menyemarakkan aspek pendidikan dalam Masyarakat secara tidak langsung diluar bilik darjah dan bilik kuliah. Justeru itu, muzium boleh disifatkan seumpama sebuah makmal yang membuka pintu untuk masyarakat meneroka satu dimensi merentasi zaman, sekali gus menelusuri aspek sosial-politik dan ekonomi pelbagai zaman. Usaha pihak muzium dalam mengadakan pameran berkaitan sejarah dan warisan haji telah membuka ruang kepada generasi baharu memahami dan menghayati kesukaran serta pengorbanan masyarakat Melayu pada zaman awal dalam menyempurnakan rukun Islam kelima tersebut. Pameran yang dianjurkan juga membolehkan masyarakat menghayati keunikan artifak-artifak berkaitan haji yang tidak lagi dapat dilihat dan ditemui pada masa kini. Justeru itu, koleksi serta artifak yang dimiliki oleh sesebuah muzium dan setiap pameran yang dianjurkan yang akan memberikan makna kepada usaha yang dilakukan.

## Penghargaan

Kajian ini telah dibiayai oleh Kementerian Pengajian Tinggi di bawah geran *Fundamental Research Grant Scheme (FRGS)* dengan kod: FRGS/1/2021/SS10/USM/02/4.

## Rujukan

Abu Talib Ahmad. 2018. *Museums, History and Culture in Malaysia*. Singapore: NUS Press.  
Ahmad Farid Abd Jalal et. al. 2020. Muzium dan Kedaulatan Institusi Beraja di Malaysia. *Jurnal 'Ulwan*, Jil. 5 (1), 27-44.

- Anon. 2013. *Al-Hajj: The Malaysian Experience*. Kuala Lumpur: IAMM Publication
- Bedford, L. 2014. *The Art of Museum Exhibitions: How Story and Imagination Create Aesthetic Experiences*. California: Walnut Creek.
- Bulger, T. D. 2011. Personalising the past: heritage work at the Museum of African American History, Nantucket. *International Journal of Heritage Studies*. 17 (2), 136-152.
- Dellios, P. 1999. The museum as artefact, made in Malaysia. PhD thesis, James Cook University.
- En Route to Mecca: Pilgrims' Voices Throughout the Centuries*. 2009. Kuala Lumpur: IAMM Publications.
- Henderson, J.C. 2005. Exhibiting Cultures: Singapore's Asian Civilisations Museum. *International Journal of Heritage Studies*, 11 (3), 183-195.
- Hooper-Greenhill, E. 2000. Exhibiting Cultures. *International Journal of Heritage Studies*. 2 (3), 183-195.
- Macdonald, S. 2006. *The politics of display museums, science and culture*. London & New York: Routledge.
- Othman Yatim. 2005. *Syarahan Perdana Pembudayaan Muzium dan Pelestarian Warisan, Pembinaan Bangsa*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Shamsidar Ahmad et. al. 2013. Museum Learning: Using research as best practice in creating future museum exhibition. *Procedia Social and Behavioral Sciences 105*. Asia Pacific International Conference on Environment-Behavior Studies, University of Westminster, London, UK, 4-6 September, 370-382.
- Smith, L. 2006. *Uses of Heritage*. New York: Routledge.
- Walsh, K. 1992. *The Representation of The Past: Museums and Heritage in the Post-Modern World*. London: Routledge.
- Watson, S. (ed.). 2007. *Museums and their communities*. London & New York: Routledge.
- Weil, S. 2003. *Beyond big & awesome: outcome-based evaluation*. *Museum News*, 40-45, 52-53.